

## YPN gesa nama agensi tipu umrah didedah

**Kuala Lumpur:** Tindakan tidak mendedahkan nama agensi pelancongan yang didakwa melakukan penipuan pakej umrah menyebabkan agensi lain yang menyediakan khidmat sama turut terpalit dengan isu berkenaan, sekali gus menjejaskan reputasi agensi berkaitan.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pelancongan Negara (YPN) Dr Fathir Badri Alhadad berkata, justeru, pihaknya menyokong saranan meminta Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Motac) mendedahkan nama agensi pelancongan yang terbabit dalam isu berkenaan.

Menurutnya, ini kerana, kes berkenaan membabitkan agensi yang sudah lama menanggungkan pemergian jemaah mereka seperti yang dilaporkan media baru-baru ini.

“Keengganan Motac mendedahkan nama agensi berkenaan dan hanya menyebut agensi pelancongan secara umum menyebabkan banyak

agensi lain menjadi mangsa ketidakpercayaan bakal jemaah.

“Ini ditambah pula dengan keadaan pasaran umrah yang agak perlahan ketika ini. Ia boleh menyebabkan agensi gulung tikar. Sedangkan agensi yang menipu jemaah itu terus bermaharajalela,” katanya yang juga pemilik agensi umrah.

Justeru, pihaknya berharap Motac dapat mengambil langkah yang lebih bertanggungjawab dengan tidak memburukkan lagi keadaan pasaran umrah ketika ini dengan hanya mengeluarkan kenyataan secara umum sahaja.

Kelmarin, Persatuan Agensi Pelancongan Umrah dan Haji Malaysia (Paphu) meminta Motac tidak lagi berselindung berkaitan agensi pelancongan yang melakukan penipuan pakej umrah.

Kegagalan Motac mendedahkan agensi umrah berkenaan mengakibatkan syarikat lain menjadi mangsa keadaan.